

28/05/2003

Ketua Menteri nafi salahkan UDA

GEORGETOWN: Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, semalam berkata beliau tidak menyalahkan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) atas kewujudan penempatan `sebelum perang' di kawasan Tanjung Tokong, di sini.

Bagaimanapun, beliau tidak dengan mudah menerima tuduhan bahawa kecuaiannya kerajaan negeri yang menjadi punca timbulnya masalah itu sehingga mendapat teguran daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu lalu.

"Saya bukan salahkan UDA. Mereka juga ada kesulitan dan masalah. Kita ada bincang dengan UDA tetapi sekarang ia sedang dalam proses penstrukturan semula.

"Mereka akan mula adakan mesyuarat minggu ini, ia pasti ambil masa sedikit," katanya ketika perbincangan usul terima kasih ucapan Yang di-Pertua Negeri, pada sidang Dewan Undangan Negeri, di sini, semalam.